



gadis terengganu

Normalia teruskan minat dalam bidang muzik

NORMALIA MISNAN, 19, meminati bidang muzik sejak di bangku sekolah lagi dan memilih bermain klarinet kerana menganggap alat muzik itu mempunyai keistimewaan tersendiri.

"Saya mengikuti kelas muzik ketika berada di Tingkatan Satu hingga Lima dan minat saya mendapat sokongan serta dorongan daripada keluarga. *3H 14/04/08 PJ-T3*

"Sebenarnya, klarinet biasanya dimainkan dalam sesuatu persembahan orkestra," kata anak sulung daripada tiga adik-beradik ini.

Menurutnya lagi, dia sering dijemput membuat persembahan dalam kumpulan orkestra dan pancaragam sekolah ketika masih menetap di Perak.

"Insya-Allah, saya berhasrat meneruskan minat dalam bidang muzik ini sehingga berjaya seiring dengan kecemerlangan akademik," katanya yang kini mengikuti pengajian Ijazah Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



profil

Nama: Normalia Misnan
Umur: 19 Tahun
Pendidikan: Ijazah Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan), Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Adik-beradik: Anak sulung daripada tiga adik-beradik